

**UCAPAN ALU-ALUAN  
YANG MULIA HAJI SAIDIN BIN SALLEH  
PENGARAH PERHUTANAN**

**DI MAJLIS PENYERAHAN ANAK BENIH POKOK KEPADA SEKOLAH-  
SEKOLAH MENENGAH DI SELURUH NEGARA BAGI MENDOKONG  
INISIATIF "THE GREEN WAVE"**

**TARIKH: 19HB MEI 2012 / 27 JAMADILAKHIR 1433  
TEMPAT: DEWAN SETIA PAHLAWAN, BANGUNAN KPSSU**

---

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bismillahi Rahmannir Rahim.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wataala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, dan kerana dengan limpah dan izinNya jua, kita telah diberikan kesihatan dan kesempatan untuk sama-sama berkumpul di Majlis yang berkebajikan pada petang ini.

Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Rasulullah Alaihissalam, kaum kerabat, sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia Puan Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Md Jamil Al-Sufri, Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian & Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam, selaku Tetamu Kehormat Majlis;

Yang Mulia Tuan Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Timbalan Setiausaha Tetap, Bahagian Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian & Sumber Sumber Utama;

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Wakil dari PETROKON UTAMA SDN BHD, Guru-Guru Sekolah, Penuntut-Penuntut serta Hadirin & Hadirat Yang Peramba/Saya hormati sekalian.

Bagi mewakili ahli jawatankuasa kerja dan juga pihak PETROKON UTAMA SDN BHD sebagai rakan penaja, terlebih dahulu peramba/saya sukacita ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tetamu Kehormat diatas kesudian beliau untuk hadir bagi sama-sama menjayakan Majlis kita pada petang ini.

Ucapan penghargaan ini juga peramba/saya tujukan kepada semua yang hadir di majlis petang ini kerana dengan kehadiran abiskita, ianya secara tidak langsung menampakkan sokongan berterusan abiskita semua kearah memastikan kejayaan perlaksanaan program-program penghijauan di Negara Brunei Darussalam lebih lebih lagi abis kita semua akan menanam pokok kita sendiri 22 Mei 2012.

Perlaksanaan aktiviti penghijauan adalah merupakan salah satu komitmen berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perhutanan bagi memastikan sumber hutan negara akan terus dipelihara dan diurus secara "sustainable", supaya sumber hutan negara ini akan terus mampu memainkan peranannya dalam memberikan faedah sosial, faedah ekonomi dan faedah alamsekitar.

Perlaksanaan program-program menanam semula pokok pokok di Negara ini bagi tujuan penghijauan sebagai langkah menyeimbangi pokok pokok yang musnah dan yang ditebang untuk tujuan sosio ekonomi, bukanlah satu usaha yang baru, tetapi sebenarnya sudah wujud dan sudah bermula sejak 70 tahun yang lalu sebaik sahaja tertubuhnya Jabatan Perhutanan di negara ini. Bolehlah dikatakan sejak itulah juga "Green Wave" sudah bergelombang dan terus bergelombang hingga ke hari ini.

Dari Aspek perlindungan dan pemeliharaan sumber hutan pula sumber hutan negara telah diurus secara lestari dari awal lagi dan telah diberikan keutamaan dan penekanan yang sangat tinggi. Hasil dari usaha melindungi dan memelihara sumber hutan berkenaan lebih kurang 75 % dari keluasan tanah Negara ini masih berhutan.

Pencapaian mempertahankan jumlah kawasan masih berhutan ini adalah merupakan satu ikon kebanggaan negara dan sekali gus meningkatkan imej Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai dasar pengurusan hutan yang mantap dan sebuah kerajaan yang komited dalam memelihara sumber hutan dan alamsekitarnya dan mudah mudahan kita tidak akan mensia siakan atau memsunahkan khazanah yang kita ada ini dengan mengenalkan kegiatan ekonomi yang berciri ciri "non environmental friendly"

Walaupun pada pandangan masyarakat global mempertahankan kawasan berhutan dianggap sebagai "uphill battle" atau "losing battle"

dinegara negara lain yang menerima tekanan penggunaan tanah untuk pembangunan ekonomi mereka.

Sebanyak 41 % daripada keluasan tanah kita telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal berjaya dilaksanakan dinegara Brunei Darussalam Merujuk kepada "CBD Objective" negara negara ahli dikehendaki mengazetkan sekurang kurangnya 17 % dari keluasan tanahnya maka ini bermakna Negara Brunei Darussalam lebih bersedia atau lebih selesa, hampir tiga (3) kali lebih bersedia atau telah mencapai tujuan berkenaan.

Berbalik semula dengan kegiatan menanam pokok, melalui projek projek penghijauan secara ad hoc dan penanaman berancang yang dijalankan disepanjang tahun secara berterusan, pihak Jabatan Perhutanan sehingga hari ini telah berjaya menubuhkan seluas lebih kurang 4,000 ha kawasan ladang hutan, menggayakan atau menanam semula lebih kurang 11,000 ha kawasan hutan simpan pengeluaran yang telah dibalak, menghijaukan hutan yang musnah akibat la nino dan la nina lebih kurang 400 ha di kawasan tanah terbiar. Perancangan dan pelaksanaan penanaman pokok ini akan kita teruskan dimasa akan datang.

Dan pada tahun ini, kearah mendokong inisiatif penghijauan di Negara ini, kita sekali lagi akan turut serta bersama-sama dengan warga dunia, mendokong usaha global CBD dalam mempromosikan usaha pemeliharaan biodiversiti dan mengurangi isu kepupusan kepelbagaian biodiversiti melalui projek yang digelar "GREEN WAVE" atau GELOMBANG HIJAU.

### OBJEKTIF PROJEK "GREEN WAVE"

Matlamat utama projek "GREEN WAVE" ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik generasi muda tentang masalah kepupusan biodiversiti global dan perlunya tindakan-tindakan untuk disusun bagi memastikan kepelbagaian biologi tidak pupus dan program ini juga merupakan satu nilai tambah atau "compliment" sambutan Hari Perhutanan Sedunia yang disambut setiap tahun yang juga mempunyai tujuan yang sama menjadi "wake up call" untuk menyangi hutan.

Projek "GREEN WAVE" ini telah dilancarkan sewaktu persidangan CBD di Bonn, Germany pada tahun 2008 dan sejak pelancarannya, telah mendapat sokongan masyarakat global dan bagi Negara Brunei Darussalam pula, penyertaan Negara dalam pelaksanaan projek "GREEN WAVE" bagi tahun 2012 ini adalah merupakan penyertaan Negara untuk kali yang ketiga berturut-turut sejak kita menyertai program ini untuk kali pertamanya pada tahun 2010.

### AKTIVITI "GREEN WAVE" NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah juga dimaklumkan bahawa acara penanaman GREEN WAVE ini akan dilaksanakan serentak di peringkat global setiap tahun pada setiap 22 Mei tepat pada jam 10 pagi waktu tempatan, dimana pada tahun ini jatuh pada hari Selasa. Bagi Negara Brunei Darussalam, penanaman pokok kearah mendokong "GREEN WAVE" ini akan diadakan di TRH Berakas pada 22 Mei 2012 dan dimasa yang sama juga penuntut penuntut sekolah menganjurkan penanaman pokok "Green Wave" di kawasan sekolah bagi sekolah yang mengambil bahagian menganjurkan penanaman pokok pada hari berkenaan.

Acara penanaman "GREEN WAVE" juga telah mendapat sokongan dari pihak swasta sejak 2010 dan pada tahun ini saya difahamkan bahawa PETROKON UTAMA SDN BHD akan ikut serta dalam acara ini yang mana ianya juga merupakan "Corporate Sustainability Strategy" syarikat berkenaan.

#### [HARAPAN PIHAK KERAJAAN]

Adalah menjadi harapan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar melalui pelaksanaan aktiviti penanaman pokok dengan melibatkan penuntut-penuntut sekolah, ianya akan secara langsung memberikan pendidikan serta pendedahan awal kepada generasi-generasi muda kita, agar mereka akan menjadi pemimpin yang prihatin, bertanggung-jawab serta peka akan kepentingan menjaga dan melindungi sumber hutan dan alam sekitar.

**Hadirin & Hadiran Yang Dihormati Sekalian,**

#### PENUTUP

Sebelum peramba/saya mengakhiri ucapan peramba/saya ini, peramba/saya sukacita sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tetamu Kehormat Majlis diatas kesudian beliau hadir di majlis kita pada petang ini.

Kepada Guru-Guru dan Penuntut-Penuntut sekolah, saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih diatas sokongan padu yang awda berikan dalam sama-sama menjayakan program-program Jabatan yang telah diungkayahkan selama ini, termasuk di majlis pada petang ini dan juga pada esok hari.

Kepada pihak PETROKON UTAMA SDN BHD, terima kasih diatas sokongan yang diberikan dan diharap kerjasama seumpama ini akan dapat dikekalkan dan diteruskan dimasa-masa yang akan datang.

Sekian,

Wabillah Hitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.